

LENGKAPI DIRI DENGAN NILAI TAMBAH

September 3, 2016, Saturday

Oleh Rusnan Mustafa//

The Borneo Post



KAMI BERIKRAR: Seramai 3,238 pelajar melafazkan ikrar sebagai mahasiswa dan mahasiswi baharu UNIMAS, semalam.

KOTA SAMARAHAN: Setiap pelajar perlu melengkapi diri dengan nilai tambah untuk menjadi contoh dan sumber rujukan yang baik pada masyarakat.

Perkara itu ditegaskan Menteri Kerja Raya Datuk Seri Fadillah Yusof yang mahu melihat pembangunan modal insan yang seimbang dapat dilahirkan selari dengan tatasusila dan budaya timur dalam membentuk generasi masa hadapan yang mempunyai jati diri kukuh.

“Kita tidak mahu anak-anak muda kita menjadi rapuh, sehingga mudah terhakis jati dirinya, nilai-nilai murni yang telah dididik oleh ibu bapa kita sejak dari kecil haruslah dihayati dan dibawa bersama.

“Nilai ini akan membangunkan kepintaran emosi anda kerana kita tidak mahu melahirkan golongan intelek yang cerdik pandai namun buta hati, justeru, bangunkan diri saudara-saudari secara seimbang selari dengan tatasusila dan nilai-nilai budaya timur, demi melahirkan warga Malaysia yang ada jati diri yang kukuh,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis ikrar pelajar baharu Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di Dewan DeTAR PUTRA di sini semalam.

Pada majlis ikrar itu, seramai 3,238 pelajar baharu mengangkat sumpah sebagai mahasiswa dan mahasiswi UNIMAS bagi kemasukan sesi semester 2016-2017.

Majlis ikrar pelajar itu disaksikan oleh Pro Canselor UNIMAS Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Numpang bersama isteri Tan Sri Empiang Jabu, Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS Datu Dr Hatta Solhi, Naib Canselor UNIMAS Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi dan tetamu kehormat lain.

Fadillah yang juga Menteri Mentor UNIMAS mengingatkan pelajar baharu yang terdiri dari kalangan golongan belia agar tidak mudah mengambil tindakan mengikut emosi.

Malah, tegasnya, dalam kerancakan media sosial pada hari ini, sangat mudah bagi sesiapa sahaja mencetus pelbagai kontroversi melalui Facebook, Twitter, Instagram dan sebagainya.

“Lihatlah apa yang berlaku sekarang, di mana pelbagai kejadian negatif timbul akibat kealpaan kita menggunakan saluran maya ini mengikut emosi,” tambahnya lagi.

Selain itu, beliau memberitahu kerajaan juga amat menitikberatkan akan pembangunan modal insan dan saban tahun ratusan juta ringgit diperuntukkan untuk tujuan tersebut.

Menurutnya, pembangunan bukan hanya tertumpu pada modal insan yang masih berada di institusi pendidikan tinggi (IPT) malah kepada para graduan yang telah menamatkan pengajian mereka.

“Ini kerana kerajaan percaya bahawa pembangunan modal insan harus dilaksanakan secara berterusan dan anda semua merupakan aset penting pada negara. Maka, atas sebab ini kerajaan bersedia membelanjakan modal yang besar untuk pelaburan ini,” katanya.

Sehubungan itu, beliau menggesa pelajar baharu UNIMAS mengambil segala peluang yang ada di universiti itu untuk meneroka dan menimba pelbagai ilmu dalam mematangkan diri demi kelangsungan dalam mengharungi kehidupan yang mendatang.

“Survival hari ini memerlukan kematangan dan ilmu yang tinggi kerana cabaran di luar sana semakin hari semakin hebat dek kepesatan pembangunan dunia, sejajar dengan itu, saudara-saudari harus mempersiapkan diri bagi menjadi individu yang ‘versatil’ dan ‘skillful’,” ujarnya.